

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 FEBRUARY 2017

KL ATCC mercu tanda baharu penerbangan negara

BH-15/2/2017

➔ DCA jadi badan berkanun dikenali Lembaga Penerbangan Awam Malaysia

Oleh **Irwan Shafrizan Ismail**
irwansha@bh.com.my

➔ **Sepang**

Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KL ATCC) di sini bakal menjadi mercu tanda baharu dalam industri penerbangan awam negara apabila beroperasi sepenuhnya pada penghujung 2019, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, KL ATCC akan menjadi titik permulaan pelaksanaan penstrukturan semula Ruang Udara Kuala Lumpur (KL FIR), sekali gus membolehkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) beroperasi pada tahap maksimum menggunakan tiga landasan secara serentak.

"Operasi serentak ini disasar dapat mempertingkatkan kapasiti landasan di KLIA daripada 78 kepada 108 pergerakan pesawat sejam iaitu antara tertinggi di dunia, yang dapat memberi pulangan lumayan kepada negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

berucap pada Majlis Pecah Tanah KL ATCC di KLIA, semalam. Yang hadir sama, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan timbalannya, Datuk Abdul Aziz Karpawi.

Difahamkan, ketika ini di Asia hanya lapangan terbang di Shanghai dan Beijing di China yang beroperasi pada tahap maksimum melalui operasi tiga landasan secara serentak.

Tunjang pengurusan trafik

Najib berkata, KL ATCC yang dibina dengan kos RM650 juta itu akan menjadi tunjang kepada pengurusan trafik udara di negara ini, termasuk sebagai pusat koordinasi Sistem Mencari dan Menyelamat (SAR).

"Saya percaya dengan adanya infrastruktur kawalan trafik udara yang seanggih dan hebat ini, KL ATCC akan memberi manfaat besar kepada industri penerbangan awam negara.

"Ia selaras dengan usaha Malaysia untuk menjadi hab penerbangan global di rantau Asia Pasifik," katanya.



Najib diiringi Tiong Lai dan Ab Aziz (kanan) mendengar penerangan daripada Ketua Pengarah DCA, Datuk Seri Azharuddin Abdul Rahman mengenai model KL ATCC ketika Majlis Pecah Tanah KL ATCC di KLIA, semalam.

Info

KL ATCC

- ➔ **Dibangunkan di tapak** seluas enam hektar
- ➔ **Memiliki sistem** Komunikasi, Navigasi, Pengawasan dan Pengurusan Trafik Udara (CNS/ATM) baharu
- ➔ **Reka bentuk bumbung bangunan** berbentuk wau
- ➔ **Menjadi sebahagian daripada** KLIA Aeropolis

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) akan ditransformasi sebagai badan berkanun dan akan dikenali sebagai Lembaga Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

Tambah ruang mendarat

"Struktur baharu DCA ini akan dilaksanakan sepenuhnya pada pertengahan 2017. Ini penting bagi memastikan operasi penerbangan awam negara mematuhi Badan Kawal Selia Penerbangan Awam Dunia (ICAO)," katanya.

Sementara itu, Tiong Lai pada

sidang media selepas majlis itu, berkata apabila KL ATCC siap kelak, lebih banyak ruang dapat disediakan bagi pesawat dan syarikat penerbangan untuk mendarat di KLIA.

"Kita mampu memberi lebih banyak slot pendaratan premium terutama pada waktu puncak penerbangan iaitu antara jam 10 pagi hingga 12 tengah hari dan antara jam 6 petang hingga 8 malam.

"Kelebihan ini akan menjadikan KLIA lebih berdaya saing berbanding lapangan terbang lain di rantau ini," katanya.

Keputusan SPM diumumkan 16 Mac

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menegaskan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan diumumkan pada 16 Mac ini.

Pengesahan itu dibuat oleh Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri

Dr Khair Mohamad Yusof, dalam kenyataan yang dikeluarkan petang semalam bagi mengulas isu tarikh pengumuman yang viral dalam media sosial.

Beliau berkata, KPM sentiasa memastikan semua proses penyediaan data keputusan pepe-

riksaan SPM pada semua peringkat mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang sudah ditetapkan.

"Ini bagi memastikan keputusan yang dikeluarkan adalah tepat dan sah demi keadilan kepada calon," katanya